

08 DEC 2000

Samy-Lunas

MIC KEMUKA LAPORAN POST MORTEM LUNAS KEPADA PM MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- MIC akan mengemukakan laporan post mortem mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas kepada Perdana Menteri dan presiden Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu depan.

Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata MIC sedang menyediakan laporan itu dan ia dijadual siap awal minggu depan.

"Kami sudah mula menyusun laporan post mortem itu dan akan menyerahkannya kepada PM selewat-lewatnya minggu depan," kata beliau kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil ISO 9001 kepada Jabatan Kerja Raya oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali di Kementerian Kerja Raya di sini.

Pada pilihan raya kecil Lunas 29 Nov lepas, Barisan Nasional (BN) yang meletakkan calon MIC, dikalahkan oleh Parti Keadilan Nasional dengan majoriti tipis 530 undi. S. Anthonysamy dari BN memperolehi 9,981 undi manakala Saifuddin Nasution Ismail dari Keadilan mendapat 10,511 undi.

Semasa ditanya sama ada beliau menemui Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai mengenai dakwaan bahawa polis lambat bertindak terhadap tindak tanduk para penyokong pembangkang pada pilihan raya kecil itu, Samy Vellu berkata beliau belum menemui Norian.

"Saya tidak akan membincangkan perkara ini menerusi media... saya sudah pun menyatakan pendapat saya dan tidak berhasrat menambah apa-apa," katanya.

Samy Vellu pada 30 Nov lepas mengkritik pihak polis di atas ketidakberkesannya selepas para penyokong Keadilan menahan 12 bas yang penuh dengan para penyokong BN dan memeriksa kad pengenalan mereka dalam senarai pengundi DUN Lunas.

Para penyokong BN itu mendakwa mereka "ditahan" oleh pekerja pilihan raya parti pembangkang lebih tiga jam sebelum polis memberi maklum balas dengan membawa 12 bas itu ke balai polis Lunas. Bas-bas itu kemudian diiringi keluar dari kawasan Lunas oleh pihak polis.

Dalam perkembangan lain, Samy Vellu berkata tidak ada parti yang dapat menggantikan MIC sebagai wakil tunggal masyarakat India di negara ini.

"Sesiapa pun boleh menyertai sesiapa pun tetapi mereka tidak dapat menggantikan MIC atau meraih undi seperti yang telah diperolehi MIC dalam sebarang pilihan raya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditanya mengenai Parti Rakyat Insan Malaysia (PRIM), yang belum berdaftar, yang pada minggu lepas berkata ia akan menyertai pakatan parti pembangkang sebagai wakil pembangkang India.

"Selagi MIC masih hidup, tidak ada parti yang dapat mewakili masyarakat India kerana kebanyakan penduduk India di negara ini menyokong apa yang kami lakukan," katanya.

-- BERNAMA

SR HS NAK